

Sidang Kemuncak Bumi tidak berkesan jika AS tidak komited

SUBANG 24 April — Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil, Jun ini tidak akan berkesan jika negara-negara maju seperti Amerika Syarikat tidak komited dalam memberi bantuan kewangan dan menyelesaikan masalah pencemaran dunia, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, sikap tidak komited Amerika Syarikat untuk menghulurkan bantuan kepada negara-negara membangun dalam usaha membersihkan dunia daripada pencemaran adalah satu perkara yang telah dijangkakan.

Kata Dr. Mahathir, jika negara maju seperti Amerika Syarikat tidak sanggup mengatakan komitmen mereka, Sidang Kemuncak Bumi tidak akan memberi sebarang kesan kepada dunia.

"Soal Amerika Syarikat inilah yang kita takut iaitu kalau tidak ada komitmen daripada mereka," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar sekembalinya beliau dari lawatan rasmi enam hari ke Vietnam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan para pemberita mengenai laporan yang mengatakan Amerika tidak begitu komited dalam isu menyalurkan bantuan kewangan kepada negara-negara

membangun untuk mengawal alam sekitar menjelang persidangan di Brazil itu.

Sambil menyatakan bahawa beliau masih belum membuat keputusan sama ada akan menghadiri sidang itu, Dr. Mahathir menambah, sebelum ini Amerika telah mendesak negara-negara membangun dan dunia ketiga mengawal pengeksporan sumber-sumber hutan atau mengurangkan pengeluaran yang mencemarkan alam.

Malah katanya, mereka telah mengenakan syarat-syarat tertentu kepada negara-negara membangun dalam soal ini.

"Mereka mahu negara-negara membangun dan dunia ketiga lakukan itu dan ini sedangkan negara berkenaan ada yang miskin dan terpaksa menggunakan sumber asli mereka untuk terus hidup," ujar Dr. Mahathir.

Isnin ini, menteri-menteri negara membangun akan memulakan persidangan mereka mengenai alam sekitar di sini dan akan mengambil satu pendekatan yang sama untuk dimajukan kepada Sidang Kemuncak Bumi kelak.